



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED 29 (TERBUKA), DI SEKTOR PERANCANGAN STRATEGIK DAN KPI, BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Permohonan adalah dipelawa kepada Ahli Kumpulan Pelaksana Gred 29 yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred 29 (Terbuka) di Sektor Perancangan Strategik dan KPI, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa (BPSHA) seperti berikut:

Bil.	Nama Jawatan Kosong	Gred	Bilangan Kekosongan
1.	Penolong Pegawai Tadbir	29 (Terbuka)	1

1. SYARAT - SYARAT UMUM

- 1.1 Pemohon adalah terdiri daripada Ahli Kumpulan Pelaksana di pelbagai skim yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP);
- 1.2 Berumur 18 tahun dan ke atas;
- 1.3 Warganegara Malaysia;
- 1.4 Mempunyai kelulusan minima STPM/ STAM/ Diploma dalam bidang berkaitan dan setaraf yang di iktiraf oleh Kerajaan;
- 1.5 Markah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% dan ke atas bagi 3 tahun terkini;
- 1.6 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 1.7 Mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun; dan
- 1.8 Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman Pendidikan.

2. SYARAT – SYARAT KHUSUS

- 2.1 Terbuka kepada AKP gred 29 di pelbagai skim perkhidmatan;
- 2.2 Kemahiran komunikasi dan penguasaan Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris yang baik.
- 2.3 Boleh bekerja lebih masa; dan
- 2.4 Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai penyakit kronik.

3. CARA MEMOHON

3.1 Tindakan Pemohon:

- 3.1.1 Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Peraturan 18;
- 3.1.2 Melengkapkan semua maklumat yang diperlukan seperti di Lampiran B (Borang Permohonan); dan
- 3.1.2 Semua borang permohonan perlu diisi dengan jelas dan lengkap. **Borang permohonan yang tidak lengkap diisi akan ditolak.**

3.2 Tindakan Ketua Jabatan:

- 3.2.1 Melengkapkan ruangan sokongan Ketua Jabatan beserta ulasan (mandatori); dan
- 3.2.2 Mengemukakan permohonan yang disokong sahaja kepada Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa melalui alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 Putrajaya.
(u.p.: Sektor Pentadbiran dan Kewangan)

4. LAIN-LAIN

- 4.1 Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Puan Roshida binti Hamzah ditalian 03-8884 6218 (roshida.hamzah@moe.gov.my) / Encik Mohamad Farizu bin Mohd Nassir di talian 03-8884 6129 (farizu.nassir@moe.gov.my).
- 4.2 Tarikh tutup permohonan adalah pada **08 Disember 2023**.
- 4.3 Hanya pegawai yang terpilih sahaja akan dipanggil untuk proses temuduga. Sekiranya tiada sebarang jawapan diterima daripada urus setia dalam masa satu (1) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

**Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa,
Kementerian Pendidikan Malaysia**